



## **GARISPANDU MENGHADAPKAN LAPORAN TAHUNAN**

---

### **1. Pendahuluan**

Adalah menjadi kewajiban setiap pertubuhan / cawangan untuk menghadapkan Laporan Tahunan dalam tempoh 60 hari selepas mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya atau sekiranya tiada sesuatu Mesyuarat Agung diadakan dalam tempoh 60 hari selepas berakhirnya setiap tahun kalendar.

### **2. Cara Menghadapkan Laporan Tahunan**

Laporan Tahunan hendaklah mengandungi maklumat yang benar dan lengkap seperti berikut dan setiap dokumen hendaklah ditandatangani oleh presiden, setiausaha atau ahli jawatankuasa pertubuhan:-

- a. **Borang ROS/PP10** – Borang Menghadapkan Laporan Tahunan hendaklah diisi, yang mengandungi maklumat yang perlu diberi tiap-tiap tahun oleh pertubuhan dan cawangan di bawakan pertubuhan berdaftar mengikut bab 22(1), Akta Pertubuhan, penggal 203.
- b. Maklumat yang perlu diberikan setiap tahun adalah seperti berikut:-
  - (1) Nama;
  - (2) Alamat berdaftar dan tempat urusan;
  - (3) (A) Butir ringkas mengenai tiga (3) ahli jawatankuasa utama kini – Presiden, Setiausaha dan Bendahari yang bertanggungjawab mengemukakan / menghadapkan maklumat bagi laporan tahunan berkenaan;  
(B) Butir-butir ahli jawatankuasa tadbir baru, jika ada, dengan mengisi **Borang ROS/PP11** – Borang Maklumat Mengenai Pemegang Jawatan Yang Baru dilantik bagi tahun seterusnya dan **Borang ROS/PP12** – Senarai Butir-butir Ringkas. **Cara-cara pelantikan hendaklah dinyatakan dalam minit mesyuarat;**
  - (4) Keterangan mengenai **ahli** dengan mengisi **Borang ROS/PP13** – Borang Senarai Ahli-Ahli Pertubuhan dan **jumlah ahli** pertubuhan atau cawangan. Bahagian seterusnya hanya diisi jika induk pertubuhan yang mempunyai cawangan;
  - (5) **Borang ROS/PP14** - Keterangan mengenai cawangan. Jika tidak mencukupi, sila gunakan kertas berasingan dan hendaklah ditaip;
  - (6) **Perlembagaan** yang digunakan oleh pertubuhan beserta dengan kesemua pindaan kepada peraturan pertubuhan yang dibuat semenjak pertubuhan berdaftar atau semenjak tarikh penyata tahunan yang terakhir, jika ada;
  - (7) **Minit mesyuarat agung tahunan** \*(jika mengadakan pada tahun berkenaan);
  - (8) **Laporan daripada Pemeriksa Kira-kira**; huraian **penyata pendapatan** kewangan dan huraian **penyata perbelanjaan** dan **kunci kira-kira** untuk tahun kewangan;
  - (9) **Borang ROS/PP20** - Maklumat lengkap mengenai sebarang **harta / aset** pertubuhan yang dimiliki;
  - (10) **Borang ROS/PP21 dan ROS/PP22** - Maklumat mengenai sebarang **wang atau harta, apa-apa jua faedah pekuniari atau keuntungan dari segi kewangan yang diterima atau diberikan** oleh pertubuhan ini daripada atau kepada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Negara Brunei Darussalam atau suatu organisasi, pihak berkuasa, kerajaan atau agensi mana-mana kerajaan di luar Negara Brunei Darussalam;
  - (11) Nama dan alamat **pergabungan** mana-mana pertubuhan, kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan lain di dalam / di luar Negara Brunei Darussalam yang bergabung dengan pertubuhan ini
    - i. **Nama dan alamat** mana-mana organisasi / pertubuhan di **luar** Negara Brunei Darussalam yang menjadi ahli gabungan pertubuhan ini / pertubuhan ini menjadi ahli gabungan dengan pertubuhan di luar negara dengan mengisi **Borang ROS/PP24**;
    - ii. Nama dan alamat mana-mana organisasi / pertubuhan di **dalam** Negara Brunei Darussalam yang menjadi ahli gabungan pertubuhan ini / pertubuhan ini menjadi ahli gabungan dengan pertubuhan berdaftar di dalam negara dengan mengisi **Borang ROS/PP23**;
  - (12) Maklumat mengenai aktiviti pertubuhan yang telah diadakan dan diikuti sepanjang tahun dengan mengisi **Borang ROS/PP25**;
    - (13) Menggunakan logo;
    - (14) Laman Web; dan
    - (15) Penerbitan

Borang di atas boleh dimuat turun atau didapati di Pejabat Pendaftaran Pertubuhan, Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei;

### 3. Huraian

1. Hanya satu (1) salinan dikehendaki dan tiap-tiap satu salinan serta lampiran-lampiran mestilah ditandatangani oleh dua (2) orang pemegang jawatan utama pertubuhan. \*Bagi cawangan hendaklah ditandatangani timpal oleh seorang pemegang jawatan utama pertubuhan induk. Pemegang-pemegang jawatan utama ialah Yang Dipertua atau Pengerusi, Naib Yang Dipertua atau Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.
2. Pemegang jawatan termasuklah:-
  - i. Ahli mana-mana jawatankuasa kecil atau badan-badan lain yang ditubuhkan atau dibentuk oleh badan pengelola sesuatu pertubuhan berdaftar atau oleh badan pengelola cawangan pertubuhan itu;
  - ii. Seseorang yang sedikit sebanyak bertanggungjawab atas pengurusan apa-apa hal ehwal atau perjalanan apa-apa aktiviti, sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana cawangan pertubuhan itu;
  - iii. Seseorang yang dilantik atau diberi kuasa untuk mewakili atau bertindak bagi pihak, sesuatu pertubuhan berdaftar, atau mana-mana cawangan pertubuhan itu, dalam apa-apa perkara, lain daripada seseorang yang tidak menjadi ahli pertubuhan itu, diambil bekerja oleh pertubuhan itu untuk mewakili atau bertindak bagi pihak sesuatu pertubuhan berdaftar, atau mana-mana cawangan pertubuhan itu atau sifat profesionalnya atau mengikut perkiraan kontrak.
3. Bab 18, Akta Pertubuhan, Penggal 203, tertakluk kepada bab 18(2) dan (4), seseorang hendaklah dibatalkan kelayakannya dari menjadi seorang pemegang jawatan, penasihat atau pekerja suatu pertubuhan berdaftar:-
  - a. Jika ia telah disabitkan melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini;
  - b. Sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, dia telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran atau keburukan akhlak atau suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan suatu denda tidak kurang daripada \$2,000 atau penjara bagi suatu tempoh melebihi dari satu tahun;
  - c. Sama ada di dalam atau di luar Brunei Darussalam, suatu perintah tahanan, sekatan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain telah dibuat terhadapnya
  - d. Jika dia adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan;
  - e. Jika dia adalah dan telah didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal.
4. Pembatalan kelayakan seseorang di bawah perenggan perkara 3 cerai (b) atau (c) hendaklah terhenti selepas tempoh lima (5) tahun yang bermula dari tarikh orang yang disabitkan itu telah dibebaskan dari tahanan atau tarikh sebarang denda dikenakan atau tarikh perintah itu terhenti, mengikut mana yang berkenaan.

### 4. Dimana dengan menghadapi penyata tahunan

Penyata tahunan hendaklah dihadapkan kepada Pejabat Pendaftaran Pertubuhan, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei.

### 5. Orang yang bertanggungjawab menghadapi penyata tahunan

Seperti di bawah Bab 23, Akta Pertubuhan, penggal 203:

1. Kewajipan yang dikenakan kepada suatu pertubuhan berdaftar oleh bab 22 hendaklah terikat kepada tiap-tiap pemegang jawatan dalam pertubuhan berdaftar itu dan kepada tiap-tiap orang yang menguruskan atau menolong dalam pengurusan pertubuhan itu di Negara Brunei Darussalam; dengan syarat bahawa pemegang jawatan dan orang itu tidaklah terikat melainkan jika dia telah disampaikan dengan suatu perintah yang dibuat di bawah bab 22.
2. Jika suatu pertubuhan berdaftar gagal mematuhi kesemua atau mana-mana bahagian dari suatu perintah yang dibuat di bawah bab 22, mana-mana pemegang jawatan dan orang yang telah disampaikan dengan perintah itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000 melainkan jika dia membuktikan kepada mahkamah bahawa dia telah menjalankan usaha yang sewajarnya dan telah gagal mematuhi perintah itu kerana sebab-sebab di luar kawalannya.
3. Jika suatu notis, perintah atau dokumen lain disampaikan kepada mana-mana orang yang terhenti daripada menjadi pemegang jawatan dalam suatu pertubuhan berdaftar, dia hendaklah dengan serta-merta menyerahkan notis, perintah atau dokumen tersebut kepada mana-mana pemegang jawatan yang sedia ada dalam pertubuhan berdaftar itu atau jika tidak diketahui, hendaklah mengembalikannya kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar yang telah mengirimbkannya; dan mana-mana orang yang gagal berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$3,000.
4. Jika apa-apa maklumat yang diberikan kepada Pendaftar bagi mematuhi suatu perintah di bawah bab 22 adalah palsu, tidak betul atau tidak lengkap dalam apa-apa butir penting, orang yang telah memberikan maklumat itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000 melainkan jika ia membuktikan kepada mahkamah bahawa dia mempunyai sebab yang memuaskan untuk mempercayai bahawa maklumat itu adalah benar, betul dan lengkap.